



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum
Tahun 2020

BAHASA MELAYU
Sekolah Kebangsaan

TAHUN 3

KATA PENGANTAR



Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dijajarkan bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat penularan koronavirus (COVID-19). Arahan PKP telah membawa normal baharu dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara maya. Dapatan daripada beberapa tinjauan melalui media cetak dan elektronik menunjukkan bahawa PdP secara maya semasa tempoh PKP, tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan bersistematik. Implikasinya, wujud jurang pembelajaran antara murid. Hal demikian turut menjejaskan penguasaan kandungan, kemahiran dan nilai asas yang diperlukan oleh murid bagi meneruskan pembelajaran ke peringkat seterusnya. Oleh itu, penjajaran kurikulum ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid berlaku.

Kurikulum yang dijajarkan ini bukanlah kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR. Kandungan DSKP tersebut dibahagikan kepada Kandungan Asas, Kandungan Tambahan dan Kandungan Pelengkap.

Penjajaran kandungan kurikulum ini bertujuan memberi penekanan terhadap kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala kandungan tambahan dan kandungan pelengkap berperanan menyokong keseluruhan pembelajaran bagi kandungan sesuatu mata pelajaran melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran. Pendekatan pembelajaran teradun yang menggabungkan teknik pengajaran bersemuka dan tidak bersemuka menggunakan medium yang sesuai mampu menghasilkan PdP yang lebih fleksibel tanpa mengabaikan hasil pembelajaran yang dihasratkan.

Harapan Kementerian Pendidikan Malaysia agar guru dapat memastikan kandungan DSKP disampaikan kepada murid seterusnya merealisasikan hasrat dan matlamat mata pelajaran KSSR. Kementerian Pendidikan Malaysia juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penjajaran kandungan DSKP KSSR bagi kegunaan tahun 2020.

DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID

Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR			
1.1 Mendengar dan memberikan respons.	1.1.1 Mendengar, mengecam sebutan, memahami, dan menyebut dengan betul dan tepat; (i) ayat tunggal (ii) ayat majmuk		
	1.1.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap; (i) suruhan dan permintaan (ii) silaan dan larangan		
	1.1.3 Mendengar, mentafsir, dan memberikan respons terhadap; (i) soalan bertumpu (ii) soalan bercapah		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.	1.2.1 Bertutur untuk menjelaskan dan menilai sesuatu perkara secara bertatasusila mengikut konteks.		
	1.2.2 Menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.		
	1.2.3 Bersoal jawab untuk mendapatkan dan menyampaikan maklumat.		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
KEMAHIRAN MEMBACA			
2.1 Asas membaca dan memahami.	2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai; (i) ayat tunggal dan ayat majmuk (ii) perenggan (iii) petikan		
	2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami; (i) pelbagai jenis ayat (ii) perenggan (iii) petikan		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik.	2.2.1 Membaca dan memahami, dan mengecam; (i) maksud kosa kata (ii) idea utama dan idea sampingan (iii) idea keseluruhan		
2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera		2.3.1 Membaca, mengenal pasti, dan menerangkan kandungan teks daripada bahan sastera dan bukan sastera; (i) label (ii) manual (iii) cerita (iv) pantun	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		2.3.2 Membaca dan mempersembahkan karya bukan sastera dan karya sastera dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai; <ul style="list-style-type: none"> (i) label (ii) manual (iii) cerita (iv) pantun 	
KEMAHIRAN MENULIS			
3.1 Asas menulis.			3.1.1 Menulis secara mekanis dengan menggunakan tulisan berangkai dalam bentuk; <ul style="list-style-type: none"> (i) huruf (ii) perkataan (iii) frasa

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna.	3.2.1 Membina dan menulis; (i) ayat (ii) perenggan		
	3.2.2 Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan; (i) bertumpu (ii) bercapah		
	3.2.3 Membanding bezakan dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara.		
	3.2.4 Menulis sesuatu yang diimplakkan (i) ayat		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.3 Menghasilkan penulisan	3.3.1 Menghasilkan kerangka penulisan karangan naratif dan bukan naratif secara; (i) berpandu (ii) secara berpandu		
	3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek; (i) ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan (ii) penggunaan kata (iii) struktur ayat		

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
ASPEK SENI BAHASA			
4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.			4.1.1 Bercerita dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan santun; (i) simpulan bahasa (ii) bandingan semacam (iii) perumpamaan
4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera.			4.2.1 Melafazkan pantun yang mengandungi bahasa yang indah dan menjelaskan maksud.
			4.2.2 Menyanyikan lagu mengikut irama lagu kanak-kanak, dan lagu rakyat serta menjelaskan maksud bahasa yang indah dalam lirik lagu.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
			4.2.3 Melagukan syair dan mendeklamasikan sajak serta memahami maksud; (i) syair (ii) sajak
4.3 Menghasilkan bahan sastera dengan menerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembahkan secara kreatif.			4.3.1 Mencipta bahan sastera secara berpandu dan mempersembahkan secara kreatif; (i) pantun empat kerat (ii) sajak
			4.3.2 Mengubah suai cerita yang mempunyai unsur pengajaran secara berpandu dan mempersembahkannya secara kreatif.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
			4.3.3 Mengubah suai seni kata lagu secara berpandu dan mempersembahkan lagu secara kreatif
ASPEK SENI BAHASA			
5.1 Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks.		5.1.1 Memahami dan menggunakan kata nama mengikut konteks tidak formal. (i) kata nama am (ii) kata nama khas (iii) kata ganti nama (iv) penjodoh bilangan	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.1.2 Memahami dan menggunakan kata kerja mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) kata kerja aktif – transitif dan tak transitif (ii) kata kerja pasif 	
		5.1.3 Memahami dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) jarak (ii) perasaan (iii) pancaindera 	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.1.4 Memahami dan menggunakan kata tugas mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) kata hubung (ii) kata sendi nama (iii) kata arah (iv) kata tanya (v) kata perintah (vi) kata seru (vii) kata pemerii (viii) kata penguat (ix) kata nafi (x) kata bantu (xi) kata bilangan 	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata mengikut konteks.		5.2.1 Memahami dan menggunakan kata mengikut konteks. (i) kata dasar (ii) kata berimbuhan awalan (iii) kata berimbuhan akhiran	
		5.2.2 Memahami dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.2.3 Memahami dan menggunakan kata ganda mengikut konteks. <ul style="list-style-type: none"> (i) kata ganda penuh (ii) kata ganda separa (iii) kata ganda berentak 	
5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.		5.3.1 Memahami dan membina ayat mengikut konteks; <ul style="list-style-type: none"> (i) ayat seruan (ii) ayat perintah (iii) ayat tanya dengan kata tanya (iv) ayat tanya tanpa kata tanya 	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran (SP)		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
		5.3.2 Memahami dan menggunakan ayat mengikut konteks; (i) ayat tunggal (ii) ayat majmuk	

- Guru disarankan agar mengutamakan SP pada ruang ASAS terlebih dahulu sebagai SP fokus dan gabung jalin kemahiran. Kemudian diikuti dengan SP pada ruangan SP TAMBAHAN dan disusuli dengan SP pada ruangan PELENGKAP.
- Guru boleh memilih urutan SP mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid.

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917